

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian.

Menurut Aminah Hj. Hashim (1994), perkhidmatan bimbingan di sekolah menengah di Malaysia bermula pada tahun 1939 dengan adanya terbitan sebuah makalah yang bertajuk *Panduan Kerjaya di Tanah Melayu bagi Ibu Bapa, Guru-guru dan Murid-murid*. Walaubagaimanapun perkhidmatan ini tidak dapat berjalan dengan lancar sehinggalah tahun 1963 apabila Kerajaan Persekutuan mendapatkan perkhidmatan En. Russel M. Mackenzie iaitu seorang pakar dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dari Kanada.

Encik MacKenzie telah memberikan kursus berhubung dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada Pengelola dan Penolong Pengelola Sekolah dengan tujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai perkhidmatan itu. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan beberapa surat pekeliling tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Surat-surat pekeliling tersebut memberi arahan kepada semua pengetua sekolah supaya melantik guru

Adalah disyorkan bahawa tiap-tiap sekolah rendah dan menengah hendaklah melantik seorang guru bimbingan. Untuk menjadikan kerja guru-guru bimbingan itu berkesan, adalah diputuskan mereka hendaklah membuat lebih kurang 25 jangka waktu kerja akademik dan dikecualikan daripada kerja-kerja kumpulan dan lain-lain.

Pada tahun 1976 pula surat pekeliling ikhtisas KP(BS)8548/1/Vol.II(49)

Bil 5/1976 telah dikeluarkan mengenai kemudahan bilik untuk perkhidmatan panduan pelajaran dan kerjaya. Manakala pada tahun 1982 surat pekeliling KP(PP) 0050/117 Jld.2 (1) 1982 telah mengarahkan beban mengajar guru panduan adalah 12 waktu seminggu. Berdasarkan kepada beberapa surat pekeliling tersebut adalah jelas bahawa perlantikan guru bimbingan dan penubuhan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sudah lama diterima dan diberikan galakan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Menurut buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah (1993) terdapat 4 objektif am perkhidmatan bimbingan dan kaunseling iaitu :

1. Memberi khidmat penyuburan dan pengayaan meliputi semua aspek perkembangan diri pelajar dengan menyediakan peluang, kemudahan dan pengalaman yang selaras dengan kemampuan dan potensi pelajar.
2. Memberi khidmat pencegahan iaitu menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perbuatan salah laku seperti tingkah laku tidak berdisiplin, penggunaan

dadah, merokok , laku musnah, peras ugut, menyertai pertubuhan haram dan tingkah laku anti sosial yang lain.

3. Memberi khidmat bersifat pemulihan (remedial) dengan tujuan mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah peribadi, pelajaran, kerjaya dan sosial supaya pelajar mampu menghadapi dan mengatasi masalah mereka.
4. Memberi khidmat kaunseling krisis kepada pelajar yang memerlukan.

Ini bermakna, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah perkhidmatan yang disediakan di sekolah dengan tujuan antara lain untuk membantu pelajar mengatasi masalah, merancang masa depan atau membuat keputusan. Malah Suradi Salim (1993) juga berpendapat bahawa perkhidmatan kaunseling ini biasanya dianggap teras kepada program bimbingan di sekolah.

Downing (1973), menyatakan bahawa bimbingan dan kaunseling merupakan satu perkhidmatan yang penting untuk membimbing individu bagi mengatasi konflik dan perubahan tingkah laku yang dialami oleh mereka. Perkhidmatan ini akan dikendalikan oleh kaunselor yang berusaha untuk mengurangkan atau mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar itu. Selain daripada itu, kaunselor juga akan berusaha untuk memperkembangkan bakat dan kebolehan yang terdapat dalam diri pelajar.

Holden (1971), menjelaskan bahawa kaunseling merupakan salah satu cara yang dapat memenuhi kehendak keperluan akademik secara meluas di sekolah dan sekaligus dapat membantu pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Ini bermakna perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini bukan sahaja dapat memberi faedah kepada pelajar semata-mata sebaliknya dapat memberi kelebihan kepada sekolah secara keseluruhannya.

Namun demikian, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini masih belum dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Roslan Said (1978) dan Mohd. Hisa Tahat (1980), menunjukkan bahawa perkhidmatan ini secara lazimnya dijalankan secara ‘ad-hoc’ kalaupun tidak sekadar ‘lip-service’ sahaja. Malah Menon (1983), menjelaskan bahawa keadaan ini berlaku kerana kaunselor tidak dapat menjalankan kerja dengan berkesan akibat masalah kekurangan masa serta begitu banyak bebanan kerja. Di samping itu, kurangnya kerjasama serta terdapatnya pandangan negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di kalangan guru-guru menyebabkan perkhidmatan ini dianggap tidak berkesan dan ianya sama seperti memberi khidmat nasihat (Zoyah, 1989). Keadaan ini dibuktikan oleh kajian Suradi Salim (1993), di mana didapati 13.4 % kaunselor di Malaysia menyatakan bahawa guru-guru adalah bersikap negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Menyedari hakikat tersebut, pihak Kementerian Pendidikan menerusi Surat Pekeliling KP (BS-HEP) 8543/60/(91) bertarikh 18 Mac 1996 telah bersetuju untuk melantik kaunselor sepenuh masa di sekolah menengah agar mereka dapat memberikan tumpuan kerja dengan lebih baik dan pada masa yang sama dapat memperbetulkan tanggapan yang salah mengenai fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di kalangan masyarakat, guru-guru dan juga pelajar itu sendiri.

Pada umumnya terdapat banyak kajian yang dilakukan mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling baik dari segi pelaksanaan, prospek dan juga persepsi guru dan pentadbir (Zoyah, 1989). Namun begitu, menurut Suradi Salim (1993), pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini tidak begitu memuaskan di kebanyakan sekolah. Hanya beberapa buah sekolah sahaja perkhidmatan ini dijalankan dengan baik dan berkesan. Justeru itu, bagi memantapkan lagi pelaksanaan dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, kajian keperluan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar sekolah menengah dijalankan. Menerusi kajian ini, para pelajar akan ditinjau dari segi aspek dan bidang keperluan yang diperlukan berdasarkan kepada masalah yang dihadapi oleh mereka sendiri. Malah Suradi Salim (1994), menegaskan bahawa keperluan pelajar haruslah diberikan pertimbangan utama jika para pendidik mahu memenuhi matlamat pendidikan iaitu untuk memberi peluang kepada setiap pelajar memperolehi manfaat sepenuhnya dari kehidupan sekolah mereka.

Selain daripada itu, kajian ini adalah berbentuk satu tinjauan terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah menengah dan ianya sekaligus dapat mengkaji dan mengenalpasti secara langsung keperluan yang dikehendaki oleh pelajar. Justeru itu, kajian ini tentunya amat diperlukan dalam usaha membantu pihak Kementerian Pendidikan dan kaunselor sekolah untuk meningkatkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

1.2 Pernyataan Masalah.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan suatu bentuk perkhidmatan yang penting terutamanya kepada pelajar sekolah menengah. Akibat bertambahnya gejala sosial di kalangan pelajar, maka perkhidmatan ini semakin dititikberatkan. Kenyataan ini disokong oleh Yahya Mohamad Yusuf (1997) di mana beliau mengatakan bahawa :

“..... satu tindakan diambil demi melahirkan generasi yang bermotivasi, berwawasan dalam mewujudkan masyarakat yang matang di samping berdisiplin ke arah melahirkan masyarakat penyayang ialah dengan memberikan kefahaman yang jelas dan tepat betapa pentingnya perkhidmatan kaunseling”

(Utusan Malaysia 20 Feb.1997 : Hlm.6)

Namun begitu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini masih lagi di tahap yang belum memuaskan. Kenyataan ini disokong oleh Abdul Latif (1984) di

mana beliau berpandangan bahawa pelaksanaan perkhidmatan ini di sekolah masih belum menampakkan hasil yang konkret.

Justeru itu, memandangkan kepada betapa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini penting kepada pelajar dan masyarakat, lebih banyak lagi kajian yang mendalam terhadap pelaksanaan perkhidmatan ini diperlukan . Apa yang penting segala masalah yang ujud dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya perlu dikurangkan peratusannya.

Pada umumnya, pelajar-pelajar sekolah menengah berada di alam remaja di mana mereka berhadapan dengan persoalan perkembangan fizikal, sahsiah, intelek, sosial dan emosi. Pada masa yang sama mereka juga mengalami perkembangan sistem nilai dalam masyarakat yang begitu kompleks. Masalah ini tidak akan dapat diselesaikan dengan cara bersendirian oleh pelajar. Justeru itu, bagi memastikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini berjaya membantu pelajar suatu kajian mengenai keperluan pelajar amat perlu dilakukan.

Menurut Suradi Salim (1994), kajian mengenai bidang sebenar keperluan pelajar amat kurang diberi perhatian oleh para pengkaji. Kebanyakan program bimbingan dan kaunseling serta perkhidmatan yang diberikan di sekolah adalah disediakan berdasarkan kepada persepsi orang-orang dewasa (misalnya persepsi

guru, guru besar, guru bimbingan atau pegawai bimbingan). Menurut beliau lagi, kajian keperluan pelajar ini begitu penting dilakukan kerana ramai penulis dalam bidang bimbingan berpendapat bahawa pelajar-pelajar boleh memberikan maklumat yang berharga dan berguna mengenai diri mereka, mengenai kebimbangan atau kegelisahan mereka dan mengenai masalah mereka.

Apa yang nyata, masalah-masalah pelajar adalah berkaitan dengan keperluan mereka. Ini bermakna para kaunselor perlulah menentukan sama ada program bimbingan dan kaunseling di sekolah adalah diasaskan kepada keperluan pelajar dalam ‘setting’ pendidikannya dan sama ada program itu memberikan peruntukan kepada keperluan perkembangan setiap pelajar termasuk keperluan sosial, emosi dan juga keperluan pembelajaran. Menurut Aminah Hj. Hashim (1994), sekiranya para kaunselor dapat mengenal pasti bidang sebenar keperluan pelajar maka sudah tentu mereka akan dapat memberikan perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan. Ini bermakna, kajian keperluan bimbingan dan kaunseling pelajar-pelajar sekolah menengah perlu dilakukan untuk mengenalpasti apakah bidang sebenar yang diperlukan oleh pelajar dan pada masa yang sama dapat membantu kaunselor sekolah merancang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan lebih berkesan dan menepati kehendak pelajar.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah yang dipilih di negeri Kelantan Darul Naim. Tujuan umum kajian ini ialah untuk meninjau dan mengenalpasti apakah bidang-bidang bimbingan yang diperlukan dan secara langsung dapat mengenalpasti jenis-jenis bantuan yang amat diperlukan oleh pelajar sekolah menengah di negeri Kelantan. Namun begitu, kajian ini secara lebih khusus adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut ;

1. Apakah bidang-bidang di mana pelajar memerlukan bimbingan dan kaunseling ?.
2. Adakah terdapat perbezaan dari segi keperluan antara sekolah-sekolah ?.
3. Adakah terdapat perbezaan dari segi keperluan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ?.
4. Adakah terdapat perbezaan dari segi keperluan di antara pelajar aliran sains dan sastera ?.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai keperluan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di dua buah sekolah menengah di negeri Kelantan akan dapat memberikan gambaran yang sebenar apakah bidang-bidang keperluan yang amat dikenyatakan oleh pelajar di sekolah tersebut. Kajian ini juga akan melihat adakah terdapat perbezaan dari segi keperluan di antara sekolah serta perbezaan keperluan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Kajian terhadap keperluan bimbingan dan kunseling kepada pelajar sekolah menengah amat penting dilakukan kerana perkhidmatan bimbingan yang diberikan oleh kaunselor di sekolah pada hari ini adalah berdasarkan kepada polisi yang telah ditetapkan oleh kementerian pendidikan. Ini bermakna ianya tidak berdasarkan kepada kehendak dan keperluan pelajar itu sendiri. Terdapat juga di kalangan pelajar tidak berjumpa dengan kaunselor kerana mereka sendiripun tidak tahu bentuk-bentuk perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka.

Fenomena tidak mahu berjumpa dengan kaunselor ini telahpun didedahkan oleh Rohana (1974) menerusi kajiannya terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Menurut beliau, kebanyakannya daripada pelajar menjelaskan bahawa untuk menjelaskan masalah peribadi adalah lebih baik berbincang dengan ibu bapa dan rakan-rakan

daripada menemui kaunselor. Selain daripada itu, pelajar juga beranggapan bahawa kaunselor hanya sesuai ditemui untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan kerjaya sahaja .

Justeru itu, kajian terhadap keperluan bimbingan kepada pelajar sekolah menengah penting dilakukan kerana ianya akan memudahkan lagi pihak kaunselor dan sekolah bertindak untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berdasarkan kepada bidang-bidang bimbingan dan kaunseling yang diperlukan oleh pelajar. Adalah diharapkan pihak sekolah, kaunselor dan juga pihak-pihak yang berkenaan yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan merancang program yang memenuhi kehendak pelajar di mana ianya secara langsung dapat mempertingkatkan kualiti pencapaian akademik pelajar serta menyesuaikan diri dengan masyarakat sekolah dan masyarakat sekitar.

1.5 Definisi Istilah

a. Perkhidmatan Bimbingan.

Amir Awang (1981), telah mentakrifkan perkhidmatan bimbingan sebagai satu set perkhidmatan di mana diberikan oleh guru bimbingan atau kaunselor pelajar kepada klien atau individu-individu yang perlukan bimbingan agar perkembangannya tidak terencat atau tersekat.

Manakala Jones (1970), menyatakan perkhidmatan bimbingan sebagai pertolongan yang diberikan kepada individu agar dapat membuat penyesuaian dalam diri masing-masing. Kebolehan ini bukanlah semulajadi tetapi perlu dikembangkan. Tujuan utama ialah untuk memajukan individu hingga ke tahap keupayaan yang maksimum.

Menurut Suradi Salim (1996), Perkhidmatan bimbingan merupakan bahagian penting dalam program pendidikan yang pada asasnya diadakan khusus untuk membantu pelajar memperoleh maklumat, serta memupuk sikap dan pemahaman yang diperlukan untuk membuat pilihan dan penyesuaian yang bijaksana dalam kehidupan mereka.

Aktiviti dalam perkhidmatan bimbingan pada asasnya memberikan tumpuan pada usaha menolong individu memahami dirinya, persekitaran semasanya dan persekitaran masa hadapannya supaya pilihan dan keputusan yang dibuat serta tindakan yang diambil akan menghasilkan pengalaman hidup yang memuaskan, berkesan dan berfaedah. Aspek yang penting di sini ialah kaitan antara keputusan yang dibuat dan tindakan yang diambil.

Program bimbingan yang berkesan di sekolah perlu merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan seperti perkhidmatan inventori individu, perkhidmatan maklumat, perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan

penempatan, perkhidmatan penyusulan, penyelidikan dan penilaian serta perkhidmatan untuk pelajar yang berkeperluan khusus. Walau bagaimanapun daripada enam perkhidmatan tersebut ada tiga perkhidmatan asas yang mesti dimasukkan dalam mana-mana program bimbingan sekolah iaitu perkhidmatan inventori individu, perkhidmatan maklumat dan perkhidmatan kaunseling.

b. Pelajar Sekolah Menengah

Menurut kamus Dewan (1984) pelajar sekolah menengah adalah murid atau penuntut yang belajar di sesebuah sekolah di peringkat menengah, berumur antara 13 hingga 19 tahun.

Dalam konteks kajian ini, pelajar yang dimaksudkan terdiri daripada mereka yang berada di tingkatan empat yang masih belajar di sekolah menengah kerajaan.

c. Bidang Bimbingan

Bidang bimbingan adalah bidang di mana pelajar menghadapi masalah dan kesukaran dan memerlukan bantuan. Terdapat sembilan bidang keperluan bimbingan di mana para pelajar sering dirasakan memerlukan bantuan. Sembilan bidang tersebut ialah, Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Sosial,

Perkembangan Kerjaya, Perkembangan Pemahaman Diri, Perkembangan Kesihatan dan Fizikal, Perkembangan Kewangan dan Tempat Tinggal, Perkembangan Peribadi dan Perkembangan Kerohanian dan Moral.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji keperluan bimbingan dan kaunseling pelajar di dua buah sekolah menengah di negeri Kelantan Darul Naim. Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar tingkatan empat sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya terbatas kepada keperluan pelajar tingkatan empat sahaja dan tidak boleh dibuat generalisasi kepada seluruh pelajar sekolah menengah tersebut.

Kajian ini juga terbatas kepada 2 buah sekolah menengah di Kelantan sahaja. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) yang terletak di daerah Tanah Merah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli yang terletak di daerah Jeli. Oleh itu dapatan kajian di kedua-dua sekolah tersebut bukanlah menggambarkan dapatan kajian bagi seluruh sekolah-sekolah menengah di negeri Kelantan.